

TEKS PERASMIAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
SANTUNI KASIH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

LOKASI | TARIKH | MASA
PLAZA MERDEKA, KUCHING, SARAWAK
31 OKTOBER 2026 (KHAMIS) |3.00 PETANG

Kemas kini pada 29 Oktober 2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam KASIH Keluarga

Salam Malaysia MADANI

Salam Sarawak Maju Makmur

[SALUTASI]

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

1. Apa khabar semua kitak orang di Sarawak? Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan gembira kerana dapat berada di bumi bertuah ini sekali lagi untuk bertemu mata dengan wajah-wajah yang cukup saya kasihi.

2. Kehadiran saya dan seluruh warga kementerian pada hari ini dengan **Program Santuni Kasih KPWKM 2026** membawa **satu misi besar** — iaitu memastikan **tiada seorang pun rakyat**

Sarawak yang tertinggal daripada menerima jaringan perlindungan sosial dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan.

3. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, khususnya warga kerja KPWKM serta agensi dan rakan strategik, atas komitmen dalam menjayakan program pada hari ini. Tidak lupa juga pengunjung yang hadir memberi

sokongan pada program yang diadakan buat julung kalinya ini.

OBJEKTIF PROGRAM SANTUNI KASIH

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. **Program Santuni Kasih** merupakan **wadah** untuk mendekatkan Kerajaan dengan rakyat melalui **inisiatif turun padang** bagi mendampingi serta menyantuni rakyat secara langsung melalui:

- sesi libat urus;
- perkongsian maklumat tentang dasar, program, bantuan dan perkhidmatan KPWKM;
- memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan berkaitan; dan
- berkongsi tentang inisiatif-inisiatif Kerajaan serta meraikan pencapaian KPWKM bagi tahun 2026 bersama.

5. **Kejayaan program ini bukan diukur melalui jumlah pengunjung atau aktiviti yang dilaksanakan, tetapi melalui**

manfaat yang benar-benar diterima. Harap ada yang akan pulang dengan memperoleh maklumat tentang bantuan yang selama ini tidak diketahui; mendapat khidmat nasihat untuk menangani isu keluarga; menemui peluang baharu menjana pendapatan; atau mendapat panduan untuk perkhidmatan penjagaan. *We are here to listen, support and assist where we can.*

BELANJAWAN MADANI 2027: MENGGAPAI DI LANGIT MENGAKAR DI BUMI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

6. Di kesempatan ini, izinkan saya untuk berkongsi inisiatif **Belanjawan 2027** yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Oktober 2026 dengan tema **"Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi".** Belanjawan 2027 ini memberi hala tuju penting terhadap usaha **memperkukuh kebajikan, perlindungan sosial dan pemerkasaan rakyat.** Keutamaan KPWKM ialah memastikan dasar dan peruntukan

diterjemahkan kepada manfaat yang nyata, khususnya kepada kumpulan sasar Kementerian.

8. Antara inisiatif penting yang diumumkan ialah **peruntukan hampir RM3.3 bilion** bagi membantu golongan yang memerlukan. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM1.3 bilion diperuntukkan untuk Bantuan Warga Emas** dan sektor penjagaan, yang dijangka akan memanfaatkan **hampir 200,000 orang penerima**. Kerajaan turut merancang pembangunan dua **Pusat Kepakaran Penjagaan Bersepadu**

(atau **NICE**) di Sarawak dan Pulau Pinang, selain mengurangkan kadar cukai perkhidmatan bagi jagaan warga emas **daripada 8% kepada 6% peratus mulai 1 Januari 2027**.

9. Bagi **golongan orang kurang upaya** (atau **OKU**), peruntukan bantuan sebanyak **RM1.5 bilion** dijangka memanfaatkan lebih **300,000 orang penerima**. **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik** turut dinaikkan **daripada RM500 kepada RM600 sebulan**. Selain itu, kelayakan **Elaun Pekerja**

OKU diperluas kepada individu berpendapatan **sehingga RM2,000**.

9. **Bantuan Kanak-Kanak** pula ditingkatkan kepada **RM250 sebulan** bagi kanak-kanak berumur **enam tahun dan ke bawah**, serta **RM200 sebulan** bagi mereka yang **berumur tujuh hingga 18 tahun**. Langkah ini memperkukuh sokongan kepada keluarga dalam memenuhi keperluan asas dan perkembangan anak-anak.

10. Pemerkasaan wanita turut diberikan perhatian melalui **Geran Sejahtera MADANI sebanyak RM200 juta untuk 40,000 orang penerima**, khususnya bagi mendapatkan peralatan dan latihan untuk menjana pendapatan. Usaha memperluas **pelepasan cukai bagi perkhidmatan penjagaan selepas bersalin** serta **menambah baik kemudahan cuti bersalin penjawat awam** turut menyokong kesejahteraan ibu.

11. Bagi membantu institusi keluarga, **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti** (atau **BuAi**) akan diperluas untuk memanfaatkan **2,000 pasangan**. Selain itu, perkhidmatan kesejahteraan lelaki oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga akan diperluas.

12. Kesemua inisiatif ini saling melengkapi agenda ekonomi penjagaan negara dan memperkukuh pelaksanaan **Kerangka Strategik dan Pelan Tindakan Penjagaan**

Malaysia 2026-2030. Ini akan memastikan perkhidmatan penjagaan lebih mudah diakses, berkualiti dan mampu dibayar, di samping memperkukuh sokongan kepada keluarga serta membuka peluang ekonomi dan pekerjaan dalam sektor penjagaan.

13. Inilah komitmen berterusan KPWKM bersama-sama dengan agensi dan jabatan, dalam memastikan setiap peruntukan bermanfaat kepada rakyat. **Kita mahu wanita diperkasa; keluarga disokong; kanak-kanak dilindungi; OKU diberikan**

peluang; warga emas disantuni dan sektor penjagaan terus berkembang sebagai pemacu kesejahteraan sosial negara.

PENCAPAIAN KPWKM SEPANJANG TAHUN 2026

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

14. Tidak lengkap pertemuan kita pada hari ini tanpa berkongsi sedikit **pencapaian KPWKM bagi tahun 2026**. Sepanjang tahun ini, KPWKM terus melaksanakan pelbagai usaha bagi

memperkasa kumpulan sasar Kementerian, memperkukuh perlindungan sosial dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Antaranya:

(i) Pelancaran **Pelan Tindakan Dasar Sosial Negara 2026–2030** pada 7 Mei 2026. Seterusnya kelulusan Dewan Rakyat dan Dewan Negara terhadap penggubalan **Akta Profesion Kerja Sosial 2026** dalam bulan Julai yang bakal memberi dimensi baharu kepada pekerja sosial di negara kita.

(ii) **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2026** pada 10 Mac 2026 bagi meraikan kaum wanita yang merupakan tonggak penting dalam pembangunan negara.

(iii) **Program KasihnITa dan Program Perantisan Kepimpinan Wanita** (**PERANTIS**) yang memperkasakan kaum wanita.

(iv) **Dasar KASIH Keluarga Negara** (DKKN) telah dilancarkan pada 14 Februari 2026 bagi memperkukuh institusi

keluarga serta memastikan kepentingan dan perlindungan kanak-kanak sentiasa terpelihara.

(v) **Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan** pada 28 Jun 2026, yang mengiktiraf sumbangan kaum bapa-bapa juga dalam membentuk keluarga yang stabil, penyayang dan bertanggungjawab.

(vi) **Pelancaran Inisiatif Sektor Penjagaan dan Kempen Penjagaan KPWKM** pada 24 Ogos 2026 serta **pembangunan Piawaian Penjagaan Nasional bagi**

Warga Emas dan OKU, selain memberi latihan kepada **2,000 orang penjaga warga emas** pada tahun ini.

(vii) **Minggu Aksesibiliti Negara 2026** telah dilancarkan pada bulan September bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan aksesibiliti dan penyediaan kemudahan yang mesra OKU.

(viii) **Sambutan 80 Tahun Jabatan Kebajikan Masyarakat** (JKM) pada 3 September 2026 sebagai penghargaan jabatan ini memperjuangkan kebajikan masyarakat.

(ix) Selain itu, **Yayasan Kebajikan Negara** (YKN) melengkapi usaha Kerajaan melalui program **kebajikan, sokongan psikososial dan pembangunan komuniti. Anjung Dinamik** telah dilancarkan di Dengkil, Selangor dan menjadi **Hab Sosial kepada anak-anak yang keluar daripada institusi JKM**. YKN turut

menjalinkan **kerjasama strategik dengan Bintulu Port Holdings Berhad** dan telah menubuhkan **Anjung Kasih di Hospital Bintulu** yang akan memberikan manfaat kepada **30 keluarga pada satu-satu masa**.

(x) KPWKM turut menyokong pelaksanaan **Program Kampung Angkat MADANI**. Bagi tahun 2026, **Kampung Rampangi** di Kuching, Sarawak telah terpilih sebagai **Kampung Angkat MADANI KPWKM**. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah kerja-kerja membaik pulih

Surau Darul Ikhtiar. *InsyaA-Allah*, apabila kerja-kerja ini selesai, penduduk Kampung Rampangi akan dapat menunaikan ibadah dengan lebih selesa.

(xi) Di peringkat antarabangsa, KPWKM telah berjaya membentangkan laporan berkaitan hak kanak-kanak di **Sesi ke-100 Jawatankuasa mengenai Hak Kanak-Kanak** (atau the *Committee on the Rights of the Child*, CRC) di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland pada Januari

2026. Selain itu, KPWKM telah berjaya menganjurkan **9th ASEAN Children Forum** pada 4 dan 5 Ogos 2026.

15. Keseluruhan inisiatif yang saya kongsikan tadi membawa satu mesej yang jelas: **KPWKM terus berusaha memastikan tiada sesiapa pun yang tercicir daripada arus pembangunan negara**. Namun, dasar yang baik mesti diikuti dengan pelaksanaan yang baik dan ini merupakan **tanggungjawab bersama** antara Kerajaan, sektor swasta,

NGO, pemimpin masyarakat, keluarga dan juga setiap individu.

PENUTUP SAMBUTAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN

17. Pada hari ini juga, saya amat berbesar hati kerana seramai hampir **150 orang kaunselor berdaftar** di seluruh Malaysia hadir bersama-sama kita. Syabas dan terima kasih kepada semua kaunselor kerana telah menyemarakkan **Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan** sepanjang tahun ini dengan

pelbagai aktiviti, program advokasi dan perkhidmatan kaunseling yang dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran serta membantu mengurangkan stigma terhadap bantuan professional.

Hadirin sekalian,

18. **Macam-macam cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini.** Ini termasuk tekanan di tempat kerja, ketidakseimbangan antara pekerjaan dengan kehidupan

peribadi, konflik keluarga, pengasingan sosial, buli dan gangguan dalam talian serta lambakan maklumat. Sokongan yang tepat pada masanya dapat membantu seseorang memahami situasi, membina daya tindak dan mendapatkan bantuan.

19. Justeru, **"Kaunseling Era Digital: Memacu Kesejahteraan"** telah dipilih sebagai tema bagi sambutan kali ini, selaras dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sejahtera melalui penerapan

nilai positif, empati dan prihatin.

PELANCARAN BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM TALIAN

21. Suka saya berkongsi tentang **buku panduan perkhidmatan kaunseling dalam talian.** "***Technology-Integrated Counselling: A Malaysian Guide to Ethical, Safe and Effective Practice***" telah dirangka sebagai rujukan praktikal untuk membantu kaunselor dan pengamal

melaksanakan perkhidmatan yang mengintegrasikan teknologi secara beretika, selamat dan berkesan.

22. Saya menyeru kepada semua kaunselor berdaftar, institusi latihan dan penyedia perkhidmatan kaunseling agar memanfaatkan buku ini bagi meningkatkan kualiti dan amalan profesional.

23. Tahniah kepada **Lembaga Kaunselor Malaysia, Jawatankuasa Inovasi, Sekretariat serta semua yang terlibat**

dalam merealisasikan penerbitan buku ini! Syabas dan tepukan kepada anda semua!

PENUTUP

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

21. Akhir kata, saya berharap Program Santuni Kasih KPWKM menjadi ruang yang mendekatkan Kerajaan dengan rakyat, memperkukuh kepercayaan terhadap perkhidmatan Kerajaan serta membuka jalan bagi kaedah

penyelesaian yang dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat.

22. Dengan lafaz *Bismillahirahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Program Santuni Kasih KPWKM** dan juga **Penutupan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2026**.

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.